

SMK SERI BINTANG UTARA
PANITIA BAHASA MELAYU

**PERATURAN PEMARKAHAN
PERCUBAAN SPM 2013
BAHASA MELAYU**

Kertas 2

(Markah penuh : 110 markah)

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- | | | |
|-----------|---|------------------|
| a) Isi | - | 20 markah |
| b) Bahasa | - | 10 markah |

- a) **Isi [20 markah]**

Nota :Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup / Kesimpulan										2
Jumlah Markah										20

Soalan 1 : Jawapan Rumusan (30 markah)

Pendahuluan (2 markah)

Petikan membincangkan cara-cara / langkah-langkah/ usaha/ kaedah/ strategi/ prakarsa/ mengatasi masalah buli siber. [1 markah]

Petikan membincangkan cara-cara / langkah-langkah usaha/ kaedah/ strategi/ prakarsa/ mengatasi masalah buli siber dalam kalangan masyarakat /di Malaysia/ di negara kita. [2markah]

Petikan membincangkan tindakan mengatasi masalah buli siber. [0 markah]

Isi tersurat (4 hingga 12 markah) Tindakan	Markah
---	---------------

- | | |
|---|---|
| 1. jangan menunjukkan reaksi marah | 2 |
| 2. sekat nombor telefon atau e-mel pembuli dengan menggunakan perkhidmatan pembekal perkhidmatan | 2 |
| 3. ubah suai tetapan laman sosial agar berada pada tahap yang selamat | 2 |
| 4. simpan bukti segala rekod pesanan ringkas, gambar atau perbualan | 2 |
| 5. Jika pembuli siber ialah seorang remaja bawah umur dan anda mengenalinya, hubungi ibu bapa pembuli tersebut menerusi telefon | 2 |
| 6. simpan kata laluan hanya untuk diri sendiri | 2 |
| 7. jika pembuli siber memberi ancaman keganasan atau seksual, pihak keluarga dan mangsa membuat laporan polis | 2 |

Isi tersirat (4hingga 12 markah)	Kesan-kesan	Markah
---	--------------------	---------------

- | | |
|--|---|
| 1. tekanan perasaan/ emosi | 2 |
| 2. mengasingkan diri daripada keluarga dan rakan-rakan | 2 |
| 3. hilang keyakinan diri | 2 |
| 4. membunuh diri | 2 |
| 5. bertindak membalas dendam | 2 |

Kesimpulan/ Penutup (2 markah)

Kesimpulannya, undang-undang yang lebih ketat harus diambil untuk mengatasi masalah buli siber
AGAR

peralatan komunikasi tidak dislahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. [2 markah]

Kesimpulannya, masalah buli siber perlu ditangani oleh semua pihak. [1 markah]

Konklusinya, semua pihak hendaklah bekerjasama mengatasi masalah ini agar jenayah siber ini tidak menjadi lebih serius. [0 markah]

(b) Bahasa [10 markah]

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.

Nota :

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

P – 2m
S – 4-12m
T – 4-12m
K – 2m
I – 20m
B – 10m
30m

Soalan 2 : Pemahaman

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **tepat/betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/ salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2a : Petikan Umum

i. Maksud rangkai kata *menyinggung perasaan*

- menyakiti hati/ melukai hati/ mengecilkan hati

[2m]

ii. aktiviti yang dilakukan oleh pembuli siber kepada mangsanya

- menghantar e-mel atau pesanan ringkas yang boleh menyinggung perasaan 1m
- mencuri identiti mangsa 1m
- menjelaki mangsa di internet untuk belajar tentang tabiat dan aktiviti pelayaran 1m
- menghasilkan laman sesawang untuk menentang seseorang atau menyebarkan fitnah 1m
- gambar yang memalukan untuk menjatuhkan maruah seseorang 1m
- hantar virus komputer 1m
- hantar bahan lucu 1m
- hantar e-mel sampah (*spam*) ke komputer orang lain 1m

[maksimum 3 markah]

iii. Punca seseorang itu menjadi pembuli siber

- suka mendominasi orang lain 1m
- menggunakan orang lain untuk kepentingan diri 1m
- enggan bertanggungjawab terhadap perbuatan mereka 1m
- gilakan perhatian / publisiti 1m
- membala dendam terhadap orang yang pernah melukakan hatinya 1m
- cemburu akan populariti seseorang 1m
- ingin memberi pengajaran kepada mangsa mengenai sesuatu isu tetapi tidak mahu identitinya dikenali 1m

[maksimum 4 markah]

Soalan 2(b) Cerpen

(i) Sebab Malaysia mampu menjadi sebuah negara model

- mempunyai kualiti yang mencukupi sebagai sebuah negara model 1m
- mempunyai satu bahasa kebangsaan sebagai bahasa perantaraan untuk tujuan integrasi nasional 1m
- mempunyai satu agama rasmi, sementara agama lain dibenarkan untuk dipraktikkan 1m

[maksimum 2 markah]

(ii) Kepentingan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum

- memudahkan komunikasi antara rakyat berbilang kaum 1m
- meningkatkan perpaduan/ persefahaman antara kaum 1m
- mengukuhkan jati diri rakyat 1m
- melahirkan semangat patriotisme antara kaum 1m
- menggalakkan kerjasama antara kaum 1m

[maksimum 3 markah]

(iii) Satu nilai murni dalam petikan ;

- Nilai keberanian

1m

Contoh : Tiga sahabat berani berhujah dengan makhluk Utopia tentang cabaran untuk membangunkan negara.

1m

- Nilai baik hati

1m

Contoh : Makhluk Utopia baik hati kerana menasihati dan memberi teguran kepada penduduk bumi.

1m

- Nilai hemah tinggi

1m

Contoh : Chandran mengucapkan terima kasih kepada makhluk Utopia atas penghargaannya terhadap Malaysia.

1m

[Maksimum : 2markah]

Satu nilai lain dalam keseluruhan drama ;

- patriotik/ semangat cinta akan tanah air

1m

Contoh : Salmah, Chandran dan Chong merancang strategi kepimpinan untuk Merealisasikan cadangan makhluk Utopia

1m

- perpaduan

1m

Contoh : Salmah, Chong, dan Chandran berkawan baik walaupun berlainan bangsa

1m

- cinta akan tanah air

1m

Contoh : Tiga sahabat menunjukkan kecintaan akan negara dan mahu menjadi pemimpin pada masa akan datang

1m

- kerjasama

1m

Contoh : Tiga sekawan bekerjasama mahu mengeratkan perpaduan

1m

- integrasi masyarakat majmuk

1m

Contoh : Roti canai iaitu makanan orang India dimakan oleh pelbagai kaum, begitu juga dengan kuetiau dan sambal belacan

1m

[Maksimum :2markah]

* Terima mana-mana jawapan yang sesuai

Catatan

Petikan 1 nilai = 1 markah
 1 contoh = 1 markah
 2 markah

Drama 1 nilai = 1 markah
 1 contoh = 1 markah
 2 markah

Soalan 2(c) : Prosa Klasik

(i) Maksud terlalu elok parasnya

- **sangat tampan rupanya** **1m**
- **amat kacak rupanya** **1m**

[Maksimum 2 markah]

ii) Tiga peringkat perubahan diri Indera Bumaya

- **nuri** **1m**
- **Raja Indera Bumaya/ menjadi dirinya sendiri** **1m**
- **bunga** **1m**

[Maksimum 3 markah]

(iii) Keistimewaan Raja Indera Bumaya

- **pandai bercerita/berpantun** **1m**
- **mempunyai kesaktian - boleh menjelmaan diri dalam pelbagai rupa** **1m**
- **gagah perkasa – tidak dapat ditangkap oleh hulubalang yang mengepungnya** **1m**
- **terlalu elok rupa parasnya** **1m**
- **suaranya merdu** **1m**
- **pandai memujuk/romantik** **1m**
- **baik budi bahasa – memuji keelokan paras rupa Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi** **1m**
- **bijaksana – menjelmaan dirinya sebagai burung bayan agar dapat memerhati gerak geri tuan puteri** **1m**
- **berani – Raja Indera Bumaya berani menghadapi serangan daripada Raja Bahrum Dewa** **1m**

[Maksimum 3 markah]

* Terima mana-mana jawapan yang sesuai

Soalan 2(d) : Gurindam

(i) Maksud rangkap pertama

- **masa yang ada hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya dan jangan membazirkan masa**

2m

(ii) ciri-ciri kepimpinan yang dapat diteladani oleh rakyat

- **bersikap amanah dalam menjalankan tugas**

1m

- **cekap dalam menjalankan tugas**

1m

- **berilmu tinggi**

1m

- **berakhlak baik/ mulia**

1m

- **mempunyai wawasan dan matlamat yang jelas**

1m

- **memimpin ke arah kebaikan sejagat**

1m

- **berintegriti dan berlaku adil**

1m

- **tidak mementingkan diri sendiri**

1m

- **bertanggungjawab kepada orang yang dipimpin**

1m

- **tidak egois dan sompong**

1m

- **bertimbangrasa**

1m

[Maksimum 3 markah]

(iii) Bentuk gurindam.

- **Puisi terikat/ tidak bebas**

1m

- **Mempunyai 12 rangkap**

1m

- **Setiap rangkap mengandungi 2 baris**

1m

- **Mengandungi 4 patah perkataan dalam satu baris**

1m

- **Suku kata antara 9 hingga 15 suku kata**

1m

Contohnya :

Ja/ngan di/nan/ti e/sok lu/sa – 9 sukukata sebaris– 15 sukukata sebaris

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama – 15 sukukata sebaris

- **Rima akhir aa**

1m

Contohnya : Nikmat mencipta budaya kreatif,

Kembangkan bakat semoga aktif

[Maksimum 4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa/ tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi setiap ayat
7. Jika semua perkataan digunakan dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas tolak $\frac{1}{2}$ **markah**.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

3 (a) Bina ayat

i) **dalam**

- jarak ke bawah atau ke dasar dari permukaan
- bukan sedikit, tidak sempit, lebih daripada sekadar yang perlu sahaja
- mengandungi makna yang tidak mudah difahami
- tidak cepat
- bahagian atau ruang yang lawannya luar
- yang berkaitan dengan atau terbatas pada lingkungan sesuatu itu sendiri
- yang tidak nampak atau ketara dari luar
- yang dipakai sebelum dipakai pakaian selengkapnya

*Contoh : Ibu bapa yang membawa anak-anak berkelah dan mandi-manda di tepi pantai Tanjung Surat diminta mengawasi anak-anak mereka agar tidak sesekali berenang di kawasan yang **dalam** airnya.*

ii) **mendalam**

- menjadi dalam atau lebih dalam
- menjadi kukuh dan tidak mudah luput, menjadi berat, melarat
- sampai ke peringkat yang terperinci, luas dan teliti

*Contoh : Para penyelidik di negara ini diharap akan dapat meneruskan usaha untuk melakukan kajian yang lebih **mendalam** terhadap sejarah pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu.*

iii) pedalaman

- daerah yang jauh dari pantai/ hulu

*Contoh : Kementerian Pelajaran Malaysia amat prihatin dan menghargai jasa serta pengorbanan guru-guru yang bertugas di kawasan **pedalaman negara ini**.*

iv) lancar

- terlalu pantas dan licin/ fasih/ tidak tersangkut-sangkut

*Contoh : Walaupun baru sahaja berumur tiga tahun, Neezam sudah boleh membaca akhbar berbahasa Inggeris itu dengan **lancar** .*

v) melancar

- bergerak dengan laju
- menghafaz, selalu mengulangi pelajaran

*Contoh : Kereta yang dipandu oleh Rahmat itu **melancar** dengan lajunya meninggalkan tempat itu.*

vi) pelancaran

- perihal atau perbuatan melancarkan

*Contoh : Majlis **pelancaran** Kempen Budi Bahasa peringkat daerah Segamat, anjuran Jabatan Perpaduan Negara itu akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.* [maksimum 6 markah]

3(b) Wan mengajak Nik ke kafe siber pada petang itu. Nik bertanya Wan tentang tujuannya untuk ke kafe siber. Wan memberitahu Nik bahawa dia hendak mencari maklumat tentang tokoh bahasa Melayu. Nik ingin tahu tujuan Wan mencari maklumat tersebut. Wan memberitahu bahawa Cikgu Faizah memintanya menulis esei tentang tokoh bahasa Melayu. Nik berpendapat Wan boleh mendapatkan maklumat tersebut di perpustakaan sekolah. Wan bersetuju dengan pendapat Nik itu, tetapi dia hendak membaca maklumat daripada sumber lain.

[maksimum 6 markah]

Catatan

- | | |
|----------|-----------------|
| Isi | - 4 markah |
| Bahasa – | <u>2 markah</u> |
| | <u>6 markah</u> |

3(c) Kesalahan ejaan

- i. Gambarajah – **Gambar rajah**
- ii. gulungan – **golongan**
- iii. pengkalan – **pangkalan**

Kesalahan imbuhan

- i. menunjukan – **menunjukkan**
- ii. digemar – **digemari**
- iii. menemui – **menemukan**

[maksimum 6 markah]

3(d) Kesalahan penggunaan kata/istilah

- i. surut - **susut**
- ii. berbondong-bondong – **bertungkus-lumus**
- iii. melayangkan - **mengibarkan**

Kesalahan tatabahasa

- i. selesema demam – **demam selesema**
- ii. hingga ke petang - **hingga petang**
- iii. kepada – **pada/ semasa**

[maksimum 6 markah]

3(e) i. **Seperti kaca terhempas ke batu.**

- ii. **Kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tak nampak.**
- iii. **Tiada rotan akar pun berguna.**

[maksimum 6 markah]

Soalan 4

(Markah penuh 15 markah)

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- 4(a) i) Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan yang lengkap / jelas
 iv) Beri 1 markah bagi contoh peristiwa yang lengkap / jelas
 v) **Markah isi maksimum 4 markah**
 vi) **Markah bahasa maksimum 3 markah**
 vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 Baik : 3 markah
 Sederhana : 2 markah
 Lemah : 1 markah
 viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

4(a) Kepincangan masyarakat

Novel Papa...(akhirnya kau tewas jua!)

- **masyarakat yang mementingkan diri**. Oleh sebab Jeffri menginginkan keluarga yang besar dan bahagia, Intan Maliana sanggup meneruskan kandungannya walaupun dia tahu akan risiko komplikasi yang bakal dihadapinya. (2m)

- **masyarakat yang berpoligami tanpa kebenaran isteri**. Pada mulanya, Jeffri tidak mahu mengahwini Aisyah atas dasar untuk menjaga hati isterinya yang koma selama lebih tiga tahun. Namun akhirnya dia bertekad mengahwini Aisyah tanpa kebenaran isterinya kerana tidak dapat menahan kesunyian. (2m)

- **masyarakat yang tidak pandai mengawal nafsu**. Muaz al-Khalibi tidak dapat mengawal nafsunya lalu menodai pembantu rumahnya hingga mengandung anak luar nikah. (2m)

- **masyarakat yang tidak bertanggungjawab.** Selepas menodai pembantu rumahnya, Muaz al-Khalibi tidak mahu bertanggungjawab atas perbuatannya. Akibatnya pembantu rumah yang berbangsa Indonesia tersebut melahirkan anak luar nikah dan meninggalkan bayi tersebut di tepi longkang besar. (2m)

- **masyarakat yang berdendam.** Rasyan berdendam kepada kedua-dua ibu bapanya yang mengabaikan tanggungjawab mereka dan menyebabkannya hidup menanggung malu sebagai anak luar nikah/ Datuk Mustakim melanggar ibu bapa Jeffri ketika pulang dari solat tarawih. Jeffri berasa marah kerana Datuk Mustakim tidak berhenti selepas kemalangan itu walaupun dia menanggung kos rawatan ibunya hingga ibunya meninggal dunia. Rasyan mencadangkan agar Jeffri bertemu dengan Datuk Mustakim tetapi Jeffri enggan berjumpa dengannya. (2m)

Novel Konserto Terakhir

- **masyarakat yang mengutamakan darjat dan kedudukan.** Datin Salmah sanggup menghina keluarga Hilmi yang miskin malah memberi layanan buruk terhadapnya/ Datin Salmah mlarang Hayati berkawan baik dengan Hilmi yang miskin. (2m)

- **masyarakat yang tidak mementingkan agama.** Datuk Johari dan datin Salmah tidak pernah menunaikan solat dan menganggap buku-buku agama sebagai berunsur subversif.

- **masyarakat yang memandang rendah atas keupayaan orang lain.** Datuk Johari tidak mahu menghargai kebolehan Hilmi yang sudah berjaya menjadi seniman agung. Walaupun dia diberikan tiket untuk menonton Pertunjukan Orkes Perdana tetapi dia memulangkan tiket itu kepada orang yang memberinya kerana dia menganggap kebolehan dan bakat Hilmi tidak ke mana-mana. Dia juga tidak mahu menyebut nama Hilmi apabila Datin Salmah mengajaknya untuk menonton pertunjukan itu. (2m)

- **masyarakat yang tidak bertanggungjawab.** Datuk Johari telah meninggalkan kampungnya bersama surat perceraian untuk isterinya pada malam pengantin dan terus berhijrah ke Kuala Lumpur. Kesan kepada peristiwa ini ialah bapa Datuk Johari telah bergaduh besar dengan bapa bekas isteri yang ditinggalkan oleh Datuk Johari. Hubungan antara dua keluarga tersebut hampir pincang. (2m)

- **masyarakat yang suka menghasut.** Mohsin memberitahu tauke stesen minyak bahawa Hilmi pernah menjadi tukang kebun di rumah Datuk Johari, tetapi lari dari situ. Dia meminta tauke stesen minyak itu supaya memecat Hilmi dan jika tidak, dia tidak akan pergi mengisi minyak di situ lagi. (2m)

- **masyarakat yang mengamalkan budaya barat.** Datin Salmah pergi ke rumah Datin Faridah untuk menghadiri ‘morning coffee’ di sana apabila Hilmi mula tiba di rumah mereka. Dalam pertemuan secara tidak rasmi ini, isteri orang-orang besar ini membincangkan pelbagai hal, sama ada hal-ehwal semasa atau tentang diri dan keluarga masing-masing. Datuk Johari juga mempunyai sebuah bar mini di rumahnya. (2m)

[Maksimum : 7 markah]

- 4(b) i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan yang lengkap

- iv) Beri 1 markah untuk setiap huraian / contoh yang lengkap / jelas
- v) **Markah isi maksimum 6 markah** (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
- vi) **Markah bahasa maksimum 2 markah**
- vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 2 markah
 - Sederhana : 1 markah
- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0 beri 1 markah untuk bahasa
- x) Jika calon tidak menjawab 0 markah

4(b) Nilai keprihatinan

Novel Papa...(akhirnya kau tewas jua!)

- **keprihatinan Mak Cik Noraini terhadap kesihatan majikan.** Mak Cik Noraini menasihati Intan Maliana agar tidak meneruskan hasratnya untuk mengandung lagi kerana dia tahu risiko komplikasi yang bakal dihadapi oleh Intan Maliana jika dia hamil lagi. (2m)

- **keprihatinan Cikgu Suzie terhadap kesihatan rakan sekerjanya.** Cikgu Suzie menunjukkan keprihatinannya terhadap Intan Maliana apabila dia menasihati Intan Maliana supaya tidak mengandung lagi. Hal ini adalah kerana Cikgu Suzie mengetahui peristiwa komplikasi semasa Intan Maliana melahirkan Intan Julia dan tidak menginginkan rakannya itu mengalami masalah yang sama. (2m)

- **keprihatinan Mak Cik Noraini terhadap kebajikan majikannya.** Mak Cik Noraini menyuruh Jeffri berkahwin lagi kerana dia prihatin terhadap keadaannya yang tidak terurus dan kesunyian setelah Intan Maliana koma. (2m)

- **keprihatinan Intan Julia terhadap rakan baiknya.** Intan Julia prihatin terhadap nasib Rasylan yang hidup menanggung malu sebagai anak luar nikah. Dia sanggup bersahabat dengan Rasylan tanpa mengira status untuk mengurangkan tekanan emosi yang dilaluinya.

(Sumber : Skema Percubaan SPM 2011 – JPWP)

Novel Konserto Terakhir

- **keprihatinan Dr. Nathan terhadap jirannya.** Dr. Nathan memberikan tanah kepada Hilmi apabila Hilmi bertanyakan tanah hitam yang berlonggok di halaman rumahnya dan enggan menerima wang daripada Datuk Johari. Malah dia sendiri datang ke rumah Datuk Johari untuk memuji kerajinan Hilmi dan mencadangkan kepada Datuk Johari dan Datin Salmah supaya memberikan gaji yang tinggi kepada Hilmi atas kerajinannya. (2m)

-**keprihatinan Mamat terhadap kebolehan rakan.** Mamat telah mencadangkan kepada Hilmi supaya belajar muzik daripada mana-mana guru kerana dia merasakan bahawa Hilmi memiliki bakat dalam bidang muzik dan dapat bermain piano dengan baik. Mamat juga telah memperkenalkan Hilmi kepada Encik Bakar, seorang pemimpin ‘quartet’ di Hotel Titiwangsa yang sudi mengajar dan melatih Hilmi supaya menjadi pemain muzik yang tersohor. (2m)

* Terima mana-mana jawapan yang sesuai

[Maksimum 8 markah]